

Seret dan letakkan perkataan pada ruang kosong yang betul dalam petikan.

matahari

daun-daun

tumbuh

mengalir

melambatkan

melindungi

Saling Memerlukan

Di lereng sebuah bukit, ada sebatang pokok tualang. Pokok tualang itu tinggi dan sangat cantik.

Di bawah pokok tualang itu, _____ rumput. Rumput itu sangat tebal. Rumput telah mengejapkan tanah di lereng bukit itu.

Pada musim panas, rumput mulai resah. Rumput takut badannya menjadi kuning kerana disinari cahaya _____ yang terik.

"Hai, rumput! Kamu jangan risau, aku akan _____ kamu daripada cahaya matahari," tiba-tiba pokok tualang berkata.

"Terima kasih, pokok," jawab rumput.

Rumput sentiasa tersenyum riang pada musim panas kerana _____ tualang melindunginya.

Semasa hujan lebat, rumput _____ pergerakan air di kawasan lereng itu. Pokok tualang berasa gembira kerana air yang _____ itu tidak menghakis tanah di lereng itu. Jadi, pokok tualang tidak tumbang.

Arahan:

petik daun kari itu.

bubuh baja pada pokok kari itu.

Mari Tanam Pokok Kari



Harap kamu bersihkan kawasan itu.



Tolong tanam pokok kari itu.



Jangan _____



Sila _____



Minta murid menggunakan ayat perintah berdasarkan gambar dan kata perintah.

5.3.1 (iv)
BT2: 48

